

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU]

**TARIKH :** 12.03.2014 (RABU)

**TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [ JELEBU ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan:

- (a) sejauh manakah rasionalisasi subsidi telah memberi kesan dan tekanan terhadap kenaikan harga barang keperluan asas atau ia hanya dijadikan alasan sahaja oleh peniaga; dan
- (b) dalam konteks ini apakah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah dapat berfungsi membantu meringankan bebanan rakyat dan berapakah jumlah KR1M yang telah dibuka di bandar dan luar bandar serta nyatakan prestasi jualan KR1M setakat ini.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Bagi mengekalkan kestabilan dan kekuahan kedudukan kewangan negara, Kerajaan perlu melaksanakan rasionalisasi subsidi dan subsidi bersasar untuk memastikan hanya golongan yang layak sahaja menerima manfaatnya. Namun demikian, terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kenaikan harga barang.

**Tuan Yang Dipertua,**

Sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi terbuka di mana pengaruh pasaran memainkan peranan penting dalam penentuan harga. Di antara punca-punca yang menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang adalah disebabkan oleh faktor cuaca, manipulasi harga, keadaan bekalan, kelemahan *supply-chain*, ketidak cekapan, kos operasi dan kebergantungan kepada barang yang diimport. Faktor cuaca seperti musim tengkujuh dan kemarau misalnya telah mempengaruhi keadaan jumlah pengeluaran terutamanya barang basah seperti ikan dan sayur-sayuran yang menyebabkan penawaran bekalan kurang daripada permintaan yang mendorong peniaga untuk menaikkan harga.

Selain daripada itu, lazimnya harga barang akan dinaikkan dalam tempoh perayaan disebabkan peniaga ingin mengaut keuntungan berlebihan akibat daripada peningkatan permintaan semasa musim tersebut. Dalam membantu dan melindungi pengguna terutamanya dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Skim Kawalan Harga Musim Perayaan serta mempergiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

**Tuan Yang DiPertua,**

Kedai Rakyat 1Malaysia atau KR1M, berkonsepkan kedai serbaneka yang menyediakan **pelbagai barang keperluan isi rumah** berjenama **1 Malaysia Kedai Rakyat (1MKR)** dan **harga yang ditawarkan adalah sehingga 50% lebih rendah berbanding dengan jenama terkenal** dan kualiti tetap diutamakan. Pelaksanaan program ini telah dapat memberi pilihan kepada rakyat untuk mendapatkan barang keperluan harian pada harga yang kompetitif dan berkualiti. Sehingga 27 Februari 2014, sebanyak 126 buah KR1M telah beroperasi di sebanyak 112 kawasan Parlimen sama ada di kawasan bandar atau luar bandar di seluruh negara. Purata jualan sebuah outlet KR1M adalah sebanyak RM147,000 sebulan atau RM4,900 sehari.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Dr. Lee Boon Chye  
[ Gopeng ]**

**TARIKH : 12 Mac 2014 (Rabu)**

**SOALAN : 28**

**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos keseluruhan menaikkan taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah Ipoh.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kos keseluruhan untuk Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh ialah RM **40,122,044.56** meliputi bangunan terminal dan kawasan *Airside* Lapangan Terbang.